

## UCAPAN NAIB CANSOLOR

### DI MAJLIS MENANDA TANGANI MOU UBD DENGAN DST

**10 Jamadilawal 1424/10 Julai 2003**

Bismillahi rahmani rahim, alhamdulillah rabil alamin.. . . . .

Yang Berhormat,

Dato Seri Paduka Dr Awang Haji Ahmad bin Jumat,

Menteri Pembangunan, selaku Pengerusi DST Groups,

Yang Mulia,

Dato Paduka Haji Suyoi bin Haji Othman, Pemangku Menteri Pendidikan,

selaku Pemangku Pengerusi Majlis UBD,

Setiausaha-Setiausaha Tetap,

Pengarah Urusan, DST Groups, Pegawai-Pegawai Utama UBD,

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, DST, dan UBD,

Khadirin dan Khadirat sekalian, Assalamu alaiikum wrt.

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua Majlis penanda tangan Memorandum Persefahaman atau MoU antara UBD dengan DST akan dapat dilaksanakan pada pagi ini. Satu acara yang julung-julung kali diadakan antara UBD dengan agensi swasta dalam negara. MoU ini amatlah bermakna, bagi UBD kerana ini adalah pemetraian hubungan kerjasama yang akan banyak menghasilkan kemanafaatan khususnya dalam bidang Info Komunikasi yang sememangnya selaras dengan hasrat UBD untuk menjadi sebuah institusi menyumbang ke arah perkembangan IT.

Sungguhpun Kedua-dua organisasi melaksanakan fungsi yang berbeza kerana objektif yang berbeza (DST adalah organisasi service provider yang mengharapkan keuntungan atau profit driven institusi manakala UBD adalah educational institution yang mengharapkan budget bagi dapat berkembang untuk justified terhadap kewujudannya), kedua-dua institusi ini mempunyai 'common goal' iaitu menyumbang ke arah pembangunan negara dan kedua-duanya pula boleh 'langkah menlangkah' dalam mencapai hasrat yang sama ini. Inilah diantara rasional mengapa MoU ini menjadi satu kenyataan iaitu sama-sama merealisasikan hasrat menyumbang ke arah pembangunan negara.

MoU ini sejajar dengan dasar UBD bagi melaksanakan fungsinya untuk kepentingan masyarakat dan sentiasa membuka pintu untuk masyarakat, ikut serta sama-sama menyumbang dalam pembangunan negara. Oleh itu sebagai sebuah agen pembangunan, UBD bukan setakat melahirkan graduan menurut kewujudan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang hanya menterbiahkan ilmu dan melahirkan bakal pakar, tapi lebih dari itu, UBD akan sama-sama ikut serta menanai dan mendokong hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menghasil dan membentuk tenaga manusia yang berkelayakan untuk mengisi keperluan sektor-sektor produktif di negara ini. UBD merasakan bahawa secara tidak langsung fungsi ini dapat memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan DST.

Dengan persefahaman dan persetujuan dan seterusnya penanda tangan ini, UBD akan dapat melaksanakan dan mempertingkatkan penyelidikan khususnya dalam bidang IT, seterusnya akan melatih tenaga akademik berpotensi bagi mengikuti latihan meninggi dan mempertingkat kelulusan dan kemahiran melalui dermasiswa yang ditawarkan oleh DST dalam usaha kearah 'capacity building' UBD mengwujudkan pakar IT sebagai satu langkah kearah pembentukan jabatan IT yang akan berfungsi secara lebih fokus dan terarah.

Dengan MoU ini juga, UBD akan mengambil peluang untuk menjadikan DST sebagai partner untuk memberikan pendedahan menggunakan skim 'placement' ataupun 'attachment' atau latihan praktikal dalam dunia IT. Ini diharapkan akan dapat membina keyakinan diri dan memantapkan lagi pelajar UBD yang berpotensi mendalami pengetahuan dan memperoleh pengalaman sebelum berhadapan dengan alam pekerjaan yang semakin sehari semakin lebih mencabar khususnya dalam industri IT.

Adalah juga diharapkan dengan usaha sarna ini, hasrat untuk melahirkan 'entrepreneurs' dalam bidang IT yang bakal menghasilkan atau membina 'Perisikan atau Content' IT. Ini adalah peluang yang baik, terutamanya bagi negara kecil seperti Brunei yang terlalu bergantung kepada produk atau content yang selama ini didatangkan dari negara luar yang kita maklumi sebahagiannya tidak bersesuaian dengan tata susila negara.

Kita ingin melihat 'local product' atau local content yang dihasilkan oleh orang tempatan bagi kegunaan masyarakat Brunei yang mungkin saja dapat dimanfaatkan kepada masyarakat luar negara yang berminat untuk memperoleh faedahnya. Ini tidak mustahil dapat diwujudkan kerana Brunei mempunyai keupayaan dan kemampuan berbuat sama seperti juga pengeluar content IT yang lain melalui capacity building dalam usaha sama ini. Mudah-mudahan usaha ini mengubah suasana agar telefon bimbit yang selama ini kita menjadi penggunaanya bertukar kepada pengeluar dan pencipta.

Saya yakin ini adalah di antara salah satu capacity building UBD dan DST ingin lihat bagi sama-sama menjayakan matlamat negara untuk menjadi 'player' dalam dunia industri IT.

Pada kesempatan yang keemasan ini, UBD sangat mengalu-alukan mana-mana juga agensi yang ingin memanfaatkan dana untuk pembangunan UBD satu-satunya universiti di negara ini. Terdapat banyak ruang yang boleh dimanfaatkan bagi organisasi/syarikat mahupun orang perseorangan yang sudi menyumbang dalam sama-sama membantu UBD ke arah perkembangan masa depannya. Salah satu projek yang sedang dibukakan ialah bagi menyediakan dewan kecil dan sederhana saiznya untuk ditaja dengan harga yang berpatutan dan dinamakan menurut hasrat penyumbang apabila mendapat persetujuan bersama. Sebagai imbalan, nama penyumbang/penaja yang terpahat akan menjadi iklan atau ristaan pengguna-pengguna dewan berkenaan. Sementara dana tajaan bagi pemakaian. nama akan dimanfaatkan untuk aktiviti pembangunan UBD.

Ini adalah di antara wawasan dan keinginan UBD bagi membawa masyarakat tampil untuk menjadikan UBD sebagai sebahagian daripadanya, bukan hanya kepada mereka yang menjadi penghuni bertaraf mahasiswa dan mahasiswi. Stakeholder yang memikirkan berkepentingan boleh menyumbang sama sebagai satu tanggungjawab warga negara dan penduduk dalam pembangunan negara yang kita cintai ini.

Sebelum mengakhiri, saya ini merakamkan berbilang terima kasih kepada jawatankuasa yang bekerja keras dalam menjadikan majlis hari ini, khususnya jawatankuasa kerja bersama UBD-DST. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Lembaga DST dan Ahli Lembaganya. Kepada YM Pemangku Menteri Pendidikan selaku Pemangku Pengerusi Majlis UBD, saya mewakili warga UBD menyampaikan ucapan terima kasih di atas kesudian menghadiri majlis ini. Ini adalah merupakan sokongan padu terhadap perkembangan UBD. Ucapan ini tidak lengkap jika tidak mengucapkan penghargaan kepada DST yang sejauh ini telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan UBD. Salah satu darinya ialah sumbangan yang membawa kepada berfungsi dan upgrading Makmal komputer IPSHB yang akan kita lancarkan selepas majlis ini.

Sekian wabillahi taufik walhidayah assalamu alaikum wrt .